



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

SEMPENA

PROGRAM *I LOVE PENANG RUN* – SEBERANG
PERAI 2019

OLEH

YANG BERTHORMAT TUAN SOON LIP CHEE
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI P. PINANG
MERANGKAP
PENGERUSI JAWATANKUASA BELIA DAN SUKAN

TARIKH / MASA / TEMPAT

06 OKTOBER 2019 (AHAD)
7.00 PAGI

PADANG DEWAN DATO' HAJI AHMAD BADAWI
BUTTERWORTH

Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis

Yang Berhormat Tuan Soon Lip Chee

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Merangkap

Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan

Yang Berhormat Ahli-Ahli EXCO Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Puan Ir. Hjh Rosnani Binti Hj Mahmud

Setiausaha Bandaraya

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Ketua–Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Wakil Pegawai daripada Agensi-Agensi Kerajaan

Warga Kerja Majlis Bandaraya Seberang Perai

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

Assalamualaikumwarahmatullahhiwabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita berkumpul bersama-sama pada pagi ini dalam Program I Love Penang Run Walk – Seberang Perai 2019 di Padang Dewan Dato' Haji Ahmad Badawi, Butterworth yang akan dirasmikan oleh Yang Berhormat Tuan Soon Lip Chee, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang merangkap Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat, Ahli-Ahli Majlis MBSP dan semua yang hadir kerana sudi meluangkan masa bersama MBSP pada awal pagi yang hening dan nyaman ini

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan ribuan terima kasih dan penghargaan saya kepada Jawatankuasa Pengelola, iaitu Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) kerana berjaya menganjurkan program ini dengan meriah sekali. Syabas dan Tahniah

Saya juga ingin merakamkan tahniah dan syabas kepada para peserta yang mengambil bahagian pada pagi ini.

Yang Berhormat – Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

Program *I Love Penang Run – Seberang Perai 2019* adalah acara larian anjuran Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama Majlis Bandaraya Seberang Perai. Acara larian sejauh enam (6) km ini yang diadakan di Padang Dewan Dato' Haji Ahmad Badawi, Jalan Bagan Luar, Butterworth hari ini bertemakan #UntukNegeriKita merupakan kali ketiga penganjuran yang telah bermula pada tahun 2017.

Larian *I Love Penang Run – Seberang Perai 2019* akan bermula sekejap lagi (7.00 pagi) dan *flag-off* peserta akan disempurnakan Y.B. Tuan Soon Lip Chee Ahli Mesyuarat (EXCO) Negeri Pulau Pinang Merangkap Pengerusi Belia dan Sukan. Saya jangkakan ada penyertaan seramai 5,000 orang peserta hari ini yang membanjiri bandar Butterworth.

**Yang Berhormat – Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan
sekalian,**

Jumlah penyertaan yang diterima pada tahun pertama penganjuran iaitu pada tahun 2017 adalah seramai 15,942 peserta sekaligus mencatat rekod baru dalam *The Malaysia Book of Records* dengan jumlah peserta paling ramai dalam acara larian santai di Malaysia.

Program *I Love Penang Run – Seberang Perai 2019* ini telah berjaya mengumpulkan ramai pelari-pelari professional dan amatur dalam membudayakan cara hidup sihat di Pulau Pinang yang bertepatan dengan Inisiatif Strategik A: “*Increase Liveability to Enhance Quality of Life*” iaitu dalam A4: “*Diversify recreation, sports, arts and culture facilities*”. Program sebegini diharap dapat mengembalikan semula kelestarian dan kegemilangan Bandar Butterworth seperti suatu ketika dahulu.

Acara-acara senam sihat dan bersukan sesungguhnya merupakan antara medium yang boleh menyatukan masyarakat tanpa mengira pangkat, usia, jantina dan bangsa. Kita semua sebenarnya mempunyai peranan dalam membudayakan sukan dalam kehidupan kita. Kehidupan yang cergas dan aktif adalah penting untuk kesihatan tubuh badan dan seterusnya akan

menghasilkan fikiran yang cerdas dan minda yang kreatif. Badan yang sihat juga akan melahirkan insan yang cergas dengan minda yang cerdas. Gabungan ciri-ciri ini akan mencorakkan personaliti yang terbaik dalam diri kita.

Yang Berhormat – Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

Sebelum mengakhiri ucapan saya pada pagi ini, saya sekali lagi ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih dan penghargaan saya kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung bagi menjayakan Larian *I Love Penang Run – Seberang Perai 2019*. Marilah kita bersama-sama menjaga Seberang Perai supaya lebih bersih dan cantik serta mempunyai penduduk yang sihat sejajar dengan *tagline* MBSP iaitu “***Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan***” atau “***Seberang Perai Aspiring City of Tomorrow***”.

Dengan ini, saya sudahi dengan ***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.***

Sekian, terima kasih.